

Khamis, 2 Julai 2015

1. Jangkitan denggi memasuki tahap krisis

PUTRAJAYA 1 Julai - Jangkitan demam denggi di negara ini sekali lagi memasuki tahap krisis apabila mencatatkan 2,710 kes dengan empat kematian dilaporkan dalam tempoh seminggu iaitu dari 21 hingga 27 Jun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, keadaan itu menyebabkan jumlah kes terkumpul sejak awal tahun ini melonjak kepada 56,533 kes iaitu peningkatan sebanyak 33.9 peratus berbanding tempoh sama pada tahun sebelumnya.

Subramaniam berkata, kematian akibat demam denggi pula melonjak sebanyak 97.6 peratus daripada 82 kes pada 2014 kepada 162 kematian (2015).

Beliau berkata, pelajar merupakan antara golongan yang sering menjadi mangsa denggi kerana mereka perlu keluar rumah pada awal pagi, iaitu semasa nyamuk aedes paling aktif.

"Setakat ini, kurang daripada 30 peratus mangsa demam denggi merupakan pelajar. Langkah-langkah pencegahan perlu diambil oleh pelajar semasa mereka menghadiri kelas pada awal pagi.

"Mereka dinasihatkan supaya memakai baju lengan panjang serta menggunakan ubat pencegah nyamuk yang bersesuaian," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Selangor mencatat kes jangkitan denggi tertinggi iaitu sebanyak 32,484 kes dengan 83 kematian sejak Januari tahun ini diikuti Perak (5,690 kes dengan 13 kematian), Johor (4,277 kes dengan 10 kematian) serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (3,672 kes dengan 18 kematian).

Subramaniam pada masa yang sama meminta Kementerian Pendidikan memastikan semua institusi pendidikan termasuk sekolah bebas daripada pembiakan nyamuk aedes.

"Tindakan pencegahan perlu dilaksanakan seperti melalui penggunaan serbuk Abate di tempat takungan air serta melakukan semburan ruang termal selepas cuti persekolahan.

"Pelajar juga diminta melakukan semburan aerosol semasa mereka masuk semula ke asrama selepas cuti sekolah," katanya.

Subramaniam berkata, sebanyak 55 peratus tempat pembiakan nyamuk aedes dikesan dalam kediaman termasuk di halaman rumah manakala 22 peratus lagi di tanah terbiar.

Khamis, 2 Julai 2015

2. Laporan interim pengauditan 1MDB siap ikut jadual-Ketua Audit Negara

KUALA LUMPUR 2 Julai - Jabatan Audit Negara hari ini mengesahkan Laporan Interim Terhadap Pengauditan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) telah disiapkan mengikut jadual, iaitu akhir Jun 2015.

Laporan ini akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) semasa taklimat kepada PAC yang dijadualkan pada 9 Julai, 2015, kata Ketua Audit Negara dalam satu kenyataan hari ini.

Laporan Interim ini merupakan hasil pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara mulai 10 Mac, 2015, sehingga 15 Jun, 2015, katanya.

Pengauditan Jabatan Audit Negara ke atas 1MDB masih lagi berjalan dan satu laporan lengkap akan diserahkan kepada PAC secepat yang mungkin dalam tahun ini.- BERNAMA

Jumaat, 3 Julai 2015

3. Pegawai kerajaan terima rasuah diburu

KUALA LUMPUR 2 Julai - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan beberapa pegawai kerajaan di jabatan tertentu disyaki terlibat dalam aktiviti rasuah di Cameron Highlands.

Pegawai kerajaan itu disyaki adalah antara penerima wang suapan yang menjadi punca usaha kerajaan memulihkan kerosakan alam sekitar di Cameron Highlands gagal memberikan hasil diharapkan.

Sumber berkata, SPM akan membuat tangkapan susulan berhubung isu ketirisan di Cameron Highlands tidak lama lagi.

"Jika sebelum ini, kita menangkap pemberi rasuah tetapi selepas ini kita akan melakukan operasi sama memburu mereka yang menerima rasuah pula. Sesiapa sahaja termasuklah pegawai kerajaan dan orang tengah yang membantu melancarkan proses suapan akan kita tangkap."

"Kita juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan walaupun terhadap pihak yang mempunyai kuasa dalam kes pencerobohan tanah di situ," kata sumber yang terlibat dalam siasatan rasuah di Cameron Highlands di sini hari ini.

Utusan Malaysia dalam siri laporan khasnya mendedahkan amalan rasuah didakwa menjadi punca tanah tinggi ini terus berhadapan dengan pelbagai masalah sama ada penerokaan kebun haram maupun kehadiran warga asing.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Azam Baki ketika dihubungi menegaskan, pihaknya tidak akan sesekali berkompromi jika terdapat sebarang unsur rasuah membabitkan pegawai kerajaan atau penguat kuasa dalam isu terbabit.

Ditanya tentang tangkapan terhadap 22 tauke ladang dari Cameron Highlands kerana disyaki memberi rasuah kepada pegawai agensi penguat kuasa, Azam berkata, maklumat daripada mereka yang ditahan cukup untuk membantu siasatan SPRM.

"Mereka yang ditangkap itu merupakan pemberi rasuah dan hasil siasatan lanjut kita telah mengenal pasti mereka yang menerima wang suapan. Tindakan selanjutnya akan dilakukan," ujarnya.



Sabtu, 4 Julai 2015

4. PBT mungkin disaman

Denggi di Selangor capai tahap serius

KUALA LUMPUR 3 Julai - Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan saman terhadap pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor jika tiada perubahan dalam usaha menyelesaikan kes denggi.

Menterinya, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, pihaknya juga merancang untuk membuat lawatan mengejut seminggu sekali bagi memastikan setiap PBT menjalankan kerja-kerja pentadbiran.

Sehubungan itu, beliau menggesa Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dan semua PBT di Selangor memandang serius perkara itu dan perlu bekerja keras untuk menyelesaikan kes denggi di kawasan pentadbiran masing-masing yang kini berada pada tahap serius.

"Kegagalan berbuat demikian hanya akan menyebabkan mereka berhadapan dengan tindakan saman di bawah Akta Kawalan Penyakit Berjangkit. Bagaimanapun, buat masa ini, kita hanya memberi amaran kepada semua pihak kerana keadaan persekitaran sangat tidak memuaskan.

"Jika masih tiada perubahan dan terdapat bukti kukuh menunjukkan mereka tidak menjalankan tanggungjawab, tindakan saman akan diambil ke atas PBT berkenaan," katanya selepas mengadakan lawatan ke Kampung Sungai Kayu Ara, Petaling Jaya dekat sini hari ini.

Bilangan kes demam denggi di seluruh negara pada tahun ini adalah yang paling serius berbanding tahun-tahun sebelumnya terutama di Selangor apabila sebanyak 32,764 kes dilaporkan dengan membabitkan 83 kematian.

Bagi tempoh tersebut, daerah Petaling telah merekodkan sebanyak 14,926 kes dengan 28 kematian dan menyumbang 46 peratus daripada jumlah keseluruhan bagi Selangor.

Mengulas mengenai lawatan tersebut, Subramaniam berkata, pihaknya tidak berpuas hati dengan pengurusan PBT kawasan itu dalam menyelesaikan isu denggi yang secara tidak langsung menunjukkan bahawa mereka gagal dalam menjalankan tanggungjawab untuk memastikan pungutan sampah dibuat secara baik.

"Kita sedang menghadapi wabak denggi yang teruk dalam sejarah negara dan semua pihak termasuk masyarakat perlu ada kesedaran sivik yang tinggi dengan menjaga kebersihan kawasan masing-masing.

"Sebarang langkah yang diambil kerajaan untuk mengawalnya tidak akan berjaya jika tiada perubahan sikap," ujarnya.



Ahad, 5 Julai 2015

5. Pasukan petugas khas sudah mulakan siasatan ke atas 1MDB-Gani Patail

KUALA LUMPUR 4 Julai - Sebuah pasukan petugas khas dianggotai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Bank Negara Malaysia telah pun memulakan siasatan terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail berkata, pasukan petugas khas itu juga telah menyerbu dan mengambil beberapa dokumen penting milik syarikat SRC International Sdn. Bhd., Gandingan Mentari Sdn. Bhd. dan Ihsan Perdana Sdn. Bhd. semalam.

"Saya mengesahkan bahawa saya telah menerima dokumendokumen mengenai 1MDB termasuk dokumen berkaitan dakwaan penyaluran dana ke akaun milik Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak daripada pasukan petugas khas ini.

"Saya telah meneliti dan menyemak semua dokumen dikemukakan. Saya seterusnya telah memberi nasihat dan panduan kepada pasukan petugas khas ini untuk diambil tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menyentuh mengenai serbuan ke atas ketiga-tiga buah syarikat tersebut, Abdul Gani berkata, beliau sudah membuat analisis ke atas dokumen yang dirampas dan memberi jaminan bahawa siasatan akan memfokus kepada setiap aspek dibangkitkan.

Katanya, dengan keanggotaan daripada pelbagai agensi penguat kuasa, beliau percaya pasukan petugas khas berkenaan berupaya menjalankan siasatan dengan lebih profesional dan terperinci.

"Saya berharap semua pihak dapat memberikan kerjasama bagi membolehkan pasukan ini menjalankan siasatan dan berhenti daripada mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang boleh mengelirukan lagi orang ramai," ujarnya.



Selasa, 7 Julai 2015

6. Bayar PTPTN melalui potong gaji

PUTRAJAYA 6 Julai - Kesemua 163,007 penjawat awam yang tidak membuat pembayaran dan tidak konsisten menyelesaikan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diwajibkan membuat bayaran melalui potongan gaji, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal.

Buat permulaan, katanya, sebanyak 480 warga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) termasuk 136 pegawai kumpulan pengurusan dan profesional akan mula membuat potongan gaji bagi bayaran balik PTPTN September ini.

Katanya, tarikh permulaan pembayaran balik PTPTN melalui potongan gaji untuk kementerian dan agensi lain akan dibincangkan pada perjumpaan dengan para Ketua Setiausaha (KSU) dan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) pada Jumaat ini.

"Jumaat ini juga saya akan menyampaikan senarai nama penjawat awam yang membuat pinjaman PTPTN kepada KSU dan SUK agar penjawat awam membayar balik melalui potongan gaji," katanya kepada pemberita selepas Program Sesi Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bersama pegawai JPA dan sesi taklimat PTPTN, di sini hari ini.

Beliau berkata, jumlah potongan gaji bulanan akan ditentukan mengikut kemampuan masing-masing.

Mohamad Zabidi berkata, nama penjawat awam yang membuat pinjaman PTPTN akan dimasukkan ke Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) untuk memastikan mereka tidak terlepas daripada membuat bayaran balik PTPTN.

"Sebagai penjawat awam, kita harus menunjukkan sikap bertanggungjawab dan menjaga integriti untuk melunaskan hutang (pinjaman PTPTN) dan bukan lari daripada tanggungjawab," katanya.

Bulan lepas, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, 163,007 penjawat awam yang tidak pernah membuat pembayaran dan tidak konsisten menyelesaikan pinjaman PTPTN akan menerima surat pemotongan gaji.

Ali berkata, mengikut pecahan kategori, penjawat awam pelbagai gred (kecuali Gred Jusa C, Gred 54 dan Gred 28) yang tidak pernah membuat pembayaran adalah sebanyak 32,803 orang manakala

penjawat awam pelbagai gred yang membuat pembayaran sekali-sekala (tidak konsisten) adalah sebanyak 130,204 orang.

Dalam pada itu, Mohamad Zabidi berkata, JPA juga sedia memainkan peranan untuk menjadi pemudah cara antara peminjam dan PTPTN.

Mengenai perjumpaan warga JPA dan sesi taklimat PTPTN, beliau berkata, ia adalah satu platform interaksi antara warga JPA dengan pihak PTPTN mengenai kaedah terbaik untuk mengatur pelan pembayaran pinjaman sesuai dan mengikut kemampuan masing-masing.

Sementara itu, Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Strategik PTPTN, Mastura Mohd. Khalid berkata, kini terdapat dua juta peminjam di seluruh negara dan 280,000 daripadanya merupakan penjawat awam.

Beliau berkata, peminjam tidak kira di sektor awam atau swasta wajar mengambil langkah proaktif untuk menghubungi PTPTN berhubung pembayaran balik pinjaman.

"Kalau ada masalah, mereka harus datang berjumpa, berbincang dan berunding dengan pihak kami agar akaun anda berada dalam keadaan baik," katanya. -BERNAMA



Selasa, 7 Julai 2015

7. Enam akaun bank dibekukan

Dipercayai terlibat kes dakwaan dana disalur ke akaun PM

PUTRAJAYA 7 Julai - Pasukan Petugas Khas yang menyiasat dakwaan penyaluran dana ke akaun peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengeluarkan perintah pembekuan terhadap enam akaun bank pihak-pihak dipercayai terlibat dalam kes tersebut semalam.

Menurut kenyataan bersama pasukan berkenaan, mereka juga telah mengambil dokumen-dokumen berkaitan 17 akaun daripada dua buah bank bagi membantu siasatan.

"Pasukan Petugas Khas telah mengambil dokumen-dokumen melibatkan isu ketidakpatuhan peraturan-peraturan dan kaedah Bank Negara Malaysia oleh bank terbabit.

"Siasatan masih berjalan. Justeru, Pasukan Petugas Khas menyeru kepada semua pihak agar memberi kerjasama sepenuhnya bagi melengkapkan siasatan," menurut kenyataan bersama tersebut di sini hari ini.

Kenyataan bersama yang dikeluarkan itu melibatkan empat pihak iaitu Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail; Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz; Ketua Polis Negara, Tan

Sri Khalid Abu Bakar dan Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Kenyataan itu bertujuan memaklumkan kemajuan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pasukan itu sehingga kini.

Sabtu lalu, Abdul Gani berkata, sebuah pasukan petugas khas dianggotai SPM, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Bank Negara Malaysia telah pun memulakan siasatan terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Kata Abdul Gani, pasukan petugas khas itu juga telah menyerbu dan mengambil beberapa dokumen penting milik syarikat SRC International Sdn. Bhd., Gandingan Mentari Sdn. Bhd. dan Ihsan Perdana Sdn. Bhd., pada 3 Julai lalu.



Selasa, 7 Julai 2015

8. Kerajaan tidak akan hentikan pinjaman perumahan kepada penjawat awam

KUALA LUMPUR 8 Julai - Kerajaan tidak akan memberhentikan pinjaman perumahan kepada penjawat awam seperti yang dilaporkan oleh sebuah stesen televisyen dalam talian baru-baru ini.

Laporan itu menyebut bahawa kerajaan akan berbuat demikian bagi mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

"Kementerian kewangan amat kesal atas kenyataan tersebut yang disiarkan tanpa merujuk kepada Kementerian terlebih dahulu," kata Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Malah, kerajaan akan menambah baik urusan pembiayaan pinjaman perumahan untuk penjawat awam.

"Untuk itu, kerajaan telah menujuhkan sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) di bawah Kementerian Kewangan untuk menguruskan semua perkara berkaitan pinjaman perumahan penjawat awam."

LPPSA akan memastikan pinjaman perumahan dibuat secara lebih efisien dengan mengekalkan segala terma dan kemudahan sedia ada," katanya. - BERNAMA

Jumaat, 10 Julai 2015

9. Ketua Audit Negara bentang laporan awal 1MDB kepada PAC

KUALA LUMPUR 9 Julai - Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang hari ini membentangkan laporan awal mengenai 1Malaysia Development Bhd (1MDB) kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) di bangunan Parlimen.

Laporan yang ditunggu-tunggu oleh banyak pihak itu dibentangkan di hadapan PAC yang diketuai Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed kira-kira 10.30 pagi dan dijangka selesai sekitar 4 petang ini.

Media dibenarkan mengambil visual sebelum sesi itu dimulakan.

Pada 4 Mac, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengarahkan ketua audit negara untuk mengesahkan secara bebas akaun 1MDB.

PAC sebelum ini dilaporkan memulakan prosiding siasatan pada 19 Mei berhubung isu yang dihadapi syarikat pelaburan strategik kerajaan itu.

PAC mengambil keputusan memulakan siasatan terhadap 1MDB susulan mesyuarat khas pada 30 April lepas. - BERNAMA

Jumaat, 10 Julai 2015

10. PAC puashati laporan interim audit 1MDB

KUALA LUMPUR 9 Julai - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berpuas hati dengan laporan interim pengauditan 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) yang diserahkan oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang hari ini.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, laporan yang disediakan oleh Ketua Audit Negara itu amat teliti, terperinci dan mendalam.

"PAC amat berpuas hati secara menyeluruh kerana laporan ini dilihat dilakukan secara telus.

"Laporan awal ini meliputi pengauditan mengenai penyata kewangan 2010 hingga 2014 termasuk pelaburan dan semua anak syarikat 1MDB," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat PAC Penggal Kedua antara Jabatan Audit Negara di Blok Bangunan Sementara Parlimen.

Pada 4 Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengarahkan Ketua Audit Negara untuk mengesahkan secara bebas akaun 1MDB.

Jelas Nur Jazlan, laporan yang memakan masa tiga bulan untuk disiapkan itu memberi fokus utama terhadap kerja pengauditan berdasarkan empat komponen.

"Empat komponen itu melibatkan jumlah jaminan pinjaman oleh kerajaan kepada 1MDB, aset kumpulan 1MDB, pembiayaan dan penggunaan dana serta kajian penyata kewangan," ujarnya.

Mengulas lanjut, Nur Jazlan memberitahu, laporan berkenaan turut menyenaraikan analisis kewangan dan pelaburan syarikat milik penuh kerajaan itu.

"Analisis itu melibatkan pelaburan seperti syarikat PetroSaudi, bagaimanapun pelaburan berhubung harta tanah dan sektor tenaga masih berjalan yang akan dimasukkan dalam laporan akhir.

"Laporan akhir ini kita jangkakan akan selesai pada hujung tahun ini," katanya.

Tambahnya lagi, laporan interim itu turut menyentuh mengenai maklumat kronologi penubuhan 1MDB sejak awal.

"Bermula dengan Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA) yang diambil alih pada 31 Julai 2009 selepas mendapat persetujuan Kabinet dan ditukarkan nama kepada 1MDB," jelasnya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua Kiam Wee yang turut menganggotai PAC ketika ditemui menyifatkan setakat ini laporan awal Ketua Audit Negara itu boleh dipuji.

"Tetapi 1MDB perlu menyerahkan segala dokumen yang berkaitan bagi memastikan siasatan segera dapat diselesaikan," katanya.



Jumaat, 10 Julai 2015

11. 1MDB sahkan dokumen dikemukakan kepada Jabatan Audit

KUALA LUMPUR 9 Julai - 1Malaysia Development Bhd (1MDB) mengesahkan semua dokumen miliknya sudah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.

Namun laporan awal masih belum dikongsi dengan 1MDB, dan oleh itu ia tidak dapat mengulas mengenai kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) bahawa beberapa

dokumen tidak dikemukakan, kata Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Arul Kanda menerusi satu kenyataan hari ini.

Seperti diminta oleh Pengerusi PAC katanya, 1MDB akan segera menghubungi Jabatan Audit Negara untuk mendapatkan penjelasan mengenai dokumen yang disebut oleh Pengerusi PAC itu.

1MDB merujuk kepada laporan media hari ini yang memetik Pengerusi PAC yang mengesahkan bahawa tiada sebarang perkara yang meragukan dalam siasatan awal oleh Ketua Audit Negara (AG).

"Kami ambil maklum, terutama, ulasan pengerusi PAC mengenai siasatan menyeluruh AG termasuk memeriksa dokumen yang diperoleh daripada IMDB serta pihak lain," kata Arul.

Dalam kenyataan itu, 1MDB mengulangi komitmennya untuk bekerjasama penuh dengan Ketua Audit Negara dan pihak berkuasa lain yang sedang menyiasat syarikat terbabit. - BERNAMA



Sabtu, 11 Julai 2015

12. Siasatan 1MDB:PAC akan panggil Jho Low

KUALA LUMPUR 10 Julai - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil lagi eksekutif 1Malaysia Development Bhd (1MDB) serta anak-anak syarikatnya sebagai saksi pada pertengahan September ini.

Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, Low Taek Jho atau Jho Low, dalam kapasitinya sebagai Penasihat Khas Terengganu Investment Authority (TIA) yang disahkan kedudukannya oleh Jabatan Audit Negara, akan turut dipanggil.

TIA bertukar kepada 1MDB pada September 2009 selepas diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan.

"PAC akan mengeluarkan surat panggilan kepada semua saksi ini minggu depan dan memulakan prosiding pada pertengahan September.

"Surat panggilan untuk Low akan diserahkan kepada Kementerian Kewangan, dan kita berharap kementerian akan dapat memberikan kerjasama memanggil Low untuk memberi keterangan di hadapan PAC," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas mendengar pembentangan laporan awal mengenai 1MDB oleh Jabatan Audit Negara di bangunan Parlimen di sini hari ini dan semalam.

PAC yang sedang menjalankan prosiding siasatan ke atas 1MDB juga akan memanggil Ketua Pegawai Pelaburan, Vincent Koh Beng Huat, Penasihat Undang-Undang Ivan Cheng, Pengarah Eksekutif Kewangan Terence Geh, kata Nur Jazlan.

Turut dipanggil Lembaga Pengarah 1MDB International Holdings Ltd, Datuk Shahrul Azral Ibrahim Helmi dan Jasmine Loo Ai Wan serta Pengarah Brazen Sky, Azmi Tahir.

Beliau berkata, juruaudit 1MDB iaitu Deloitte Malaysia, KPMG dan Ernst (amp) Young juga akan dipanggil semula bagi menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan dalam laporan awal ini.

Dalam pada itu, Ahli Jawatankuasa PAC, Tony Pua menggesa Kementerian Kewangan memberi kerjasama sepenuhnya dengan menyerahkan dokumen-dokumen yang diminta bagi tujuan prosiding siasatan 1MDB.

"Kita telah mengadakan pertemuan dengan pihak kementerian sejak April, namun sehingga hari ini satu dokumen pun belum diserahkan kepada PAC.

"Adakah pegawai kementerian disekat oleh pihak atasan daripada menyampaikan dokumen yang dikehendaki atau sengaja melengah-lengahkannya?" katanya.

Pada 4 Mac, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengarahkan Ketua Audit Negara supaya mengesahkan secara bebas akaun-akaun 1MDB.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri, laporan Ketua Audit Negara akan diserahkan untuk pemeriksaan telus kepada PAC yang bersifat 'bipartisan' sepenuhnya dan mencerminkan komposisi Parlimen.

"Jika terbukti ada salah laku, undang-undang akan dikuatkuasakan tanpa pengecualian," kata Najib dalam kenyataan itu. - BERNAMA



Isnin, 13 Julai 2015

13. Tugas PAC, Pasukan Petugas Khas tidak bertindih - Nur Jazlan

JOHOR BAHRU 12 Julai - Siasatan mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dijalankan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) diyakini tidak bertindih dengan siasatan dilakukan Pasukan Petugas Khas kes tersebut.

Ini kerana, menurut Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed, siasatan pihaknya lebih menjurus kepada urus tadbir 1MDB, manakala tugas pasukan khas yang ditubuhkan pula berkaitan akaun syarikat itu.

Beliau berkata, PAC turut bekerjasama dengan pasukan berkenaan, malah sentiasa memberi sokongan dan jika perlu, pihaknya akan menjemput pasukan itu memberi penjelasan apabila siasatan mereka sudah selesai.

"Kerja PAC dan pasukan khas tidak bertindih kerana kedua-dua pihak menyiasat perkara berbeza dengan kita melihat urus tadbir, manakala pasukan khas berkaitan jejak wang yang berkisar urusan akaun berkaitan 1MDB.

"PAC juga masih dalam peringkat awal siasatan," katanya ditemui selepas Majlis Penyerahan Zakat kepada Asnaf di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Kempas Permai di sini hari ini.

Nur Jazlan yang juga Ahli Parlimen Pulai berkata, PAC komited untuk menjalankan siasatan tersebut dan akan memanggil Ketua pegawai Eksekutif (CEO) dan bekas CEO serta pengarah dan bekas pengarah 1MDB untuk hadir ke PAC bagi memberi keterangan.

Langkah itu, katanya, bagi membolehkan PAC mendapat gambaran lebih lanjut tentang urus tadbir 1MDB.

"Kita juga berterima kasih kepada Ketua Audit Negara yang memberikan taklimat pada Khamis dan Jumaat lalu yang memberikan kita banyak maklumat untuk bertanya lebih lanjut kepada saksi yang akan datang," katanya.

Ditanya apakah harapan beliau kepada pasukan khas tersebut, Nur Jazlan yakin pasukan khas berkenaan mampu memberi jawapan kepada rakyat, sekali gus dapat menangkis tuduhan dan tohmahan ke atas 1MDB.

"Saya rasa kalau ada pun pengaruh atau ada pihak yang cuba pengaruhi mereka, pasukan khas tersebut tidak akan berganjak daripada pendirian berkecuali dan akan jalankan tugas mereka dengan baik," katanya.

Rabu, 15 Julai 2015

14. Tiada bukti salah laku dalam 1MDB-Ahmad Husni

PUTRAJAYA 14 Julai - Laporan awal Ketua Audit Negara mengesahkan tiada bukti salah laku terhadap tuduhan yang dilemparkan ke atas syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, sehubungan itu, dakwaan dana sebanyak RM42 bilion telah hilang daripada akaun 1MDB dan RM2.6 bilion (AS\$700 juta) telah disalurkan ke dalam akaun peribadi seorang individu adalah tidak berasas.

"Saya berharap semua spekulasi terhadap 1MDB dapat dihentikan. Kita perlu bersabar dan menunggu laporan akhir Ketua Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pada 9 Julai lalu, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang membentangkan laporan awal mengenai 1MDB kepada PAC yang diketuainya Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed di bangunan Parlimen.

PAC sebelum ini dilaporkan memulakan prosiding siasatan pada 19 Mei berhubung isu yang dihadapi syarikat pelaburan strategik kerajaan itu.

Selain itu, ketika PAC menjalankan siasatan, timbul dakwaan terbaharu oleh Wall Street Journal (WSJ) bahawa dana sebanyak RM2.6 bilion telah dimasukkan ke akaun peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pada masa sama, Ahmad Husni memberitahu, fokus pihaknya kini untuk melaksanakan pelan rasionalisasi 1MDB seperti yang dirancang kerajaan dalam usaha melunaskan hutang syarikat tersebut.

"Kerajaan komited bagi memastikan isu hutang 1MDB diselesaikan menerusi pelan rasionalisasi syarikat pembangunan strategik itu.

"Matlamat akhir pelan rasionalisasi ini adalah bagi mengimbangi semula aset dan hutang 1MDB bagi menyokong struktur kewangan untuk memastikan kemampannya pada masa hadapan," katanya.

Rabu, 22 Julai 2015

15. *The Edge* serah butiran bukti berita 1MDB semalam

Sedia bekerjasama dengan semua pihak

KUALA LUMPUR 21 Julai - *The Edge* telah memberi kenyataan dan menyerahkan dokumen, salinan emel serta cakera padat kepada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung laporan berita yang disiarkan akhbar tersebut mengenai isu penyelewengan 1Malaysia Development Bhd. (1MDB), hari ini.

Penerbit dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan *The Edge* Media Group, Ho Kay Tat berkata, ke semua butiran bukti tersebut diserahkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM), semalam.

Katanya, *The Edge* juga bersedia untuk bekerjasama dengan pelbagai pegawai penyiasat daripada semua agensi seperti Peguam Negara, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), BNM, PDRM, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Ketua Audit Negara.

"Kami akan memberi kerjasama penuh bagi merungkai kebenaran tanpa rasa takut atau memihak pada mana-mana individu atau organisasi.

"Malah, ia adalah tanggungjawab kami sebagai rakyat Malaysia sebagaimana tindakan *The Edge* melaporkan berita 1MDB itu," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Semalam, 1MDB membidas *The Edge Financial Daily* kerana menyiaran pelbagai dakwaan dan kenyataan tidak berasas.

Menyifatkan laporan empat muka surat itu sebagai "laporan tidak bertanggungjawab", syarikat pembangunan strategik milik kerajaan itu berkata; "Kami tidak menyangka kerana dakwaan-dakwaan lapuk dan tidak terbukti ini dipergunakan sekali lagi, sedangkan beberapa siasatan serentak kini sedang dijalankan oleh pihak berkuasa berkenaan isu-isu yang ditimbulkan sebelum ini."

Menurut Kay Tat, sebagai pengamal media, *The Edge* percaya pihaknya mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat meskipun terpaksa berhadapan dengan kesukaran dan risiko.

Tambah beliau, mengadakan pertemuan dengan sumber bagi mendapatkan maklumat sebelum melaporkan atau menyiaran sesuatu berita merupakan tugas pengamal media yang profesional.

Katanya, laporan *The Edge* itu tidak mempunyai sebarang agenda politik atau konspirasi malah pihaknya turut berhubung dengan pelbagai pemimpin politik dan pegawai kerajaan bagi membantu mereka memahami situasi sebenar serta perkembangan terkini mengenai 1MDB.

"Seperti yang dikatakan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah baru-baru ini, sesiapa yang mempunyai maklumat bagi menggambarkan perkara sebenar mestilah

bersuara dan bukan sebaliknya manakala bagi mereka yang tidak melaporkan pula adalah kesalahan jenayah.

"Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin juga menyatakan bahawa mereka mahu mengetahui kebenaran mengenai isu 1MDB," katanya.